


TARIKH	8 / 10 / 2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	17	RUANGAN	Setempat



MUSNAH...kabin menyimpan barang sumbangan hangus dalam kebakaran, semalam.

Kabin barang sumbangan korporat musnah terbakar

KELANA JAYA: Sebuah kabin dijadikan tempat menyimpan barang sumbangan di Kompleks Tabung Haji, di sini, hangus dalam kebakaran pagi semalam, namun kejadian tidak mengganggu operasi dan proses pendaftaran jemaah haji di kompleks berkenaan.

Bagaimanapun, tiada kemalangan jiwa dalam kejadian kira-kira jam 11.30 pagi itu. Kemalangan jiwa berlaku.

Tabung Haji (TH) dalam satu kenyataan media semalam berkata, ketika kejadian tiada jemaah melaporkan di-

ri dan kebakaran itu tidak menjejaskan operasi haji di stesen berlepas kompleks berkenaan.

Kabin itu digunakan untuk menyimpan dan mengagihkan barangan sumbangan daripada korporat untuk diberi kepada jemaah haji seperti beg selempang, beg beroda dan tag bagasi.

Menurut kenyataan itu lagi, berdasarkan laporan awal daripada Jabatan Bomba dan Penyelamat, kebakaran dipercayai berpunca daripada masalah litar pintas panel elektrik yang berada dalam kabin berkenaan.